

10/06/1998

Lima nama dicadang kepada PM

KANGAR, Selasa - Umno negeri mencadangkan lima nama kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk dipertimbangkan sebagai calon pilihan raya kecil Parlimen Arau, Julai depan.

Undi sulit yang dibuat oleh Umno bahagian Arau sebelum ini turut memasukkan nama calon daripada Pemuda dan Wanita bahagian terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Perdana Menteri belum membuat keputusan berhubung calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kecil pada 4 Julai depan itu.

"Tempoh untuk kita mengumumkan nama calon masih panjang dan tidak perlu tergesa-gesa berbuat demikian, sebaliknya nama calon akan diumumkan selewat-lewatnya pada 23 Jun ini," katanya, petang ini.

Beliau ditemui selepas majlis sumbangan lima komputer dan pencetak oleh Upen Securities Sdn Bhd kepada tiga pertubuhan kebajikan negeri ini.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Eksekutifnya, Wong Kum Piew, masing-masing dua kepada Rumah Kebajikan Anak Yatim Jejawi dan Majlis Kebajikan Negeri manakala sebuah kepada Rumah Wawasan Puteri.

Pilihan raya kecil Arau diadakan berikutan kematian Ahli Parlimennya, Kamaruddin Ahmad, 49, (BN) pada 25 Mei lalu akibat serangan angin ahmar.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 24 Jun ini sebagai hari penamaan calon manakala 4 Julai depan untuk pengundian.

(END)